

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) jumlah dan peratusan bagi ahli KWSP yang mencapai tahap Simpanan Asas mengikut umur, dan juga ahli berumur 55 tahun yang mencapai tahap RM228,000. ; dan

(b) jumlah ahli yang menyertai Skim Pelaburan Ahli, dan jumlah ringgit yang telah dipindahkan ke dana-dana unit amanah lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Julai

Tahun 2017 dijangka akan mencecah RM1.3 bilion melalui 996,000 pelancong kesihatan, iaitu peningkatan tahunan melebihi 14% bagi pendapatan yang dijana dan 16% bagi bilangan pelancong kesihatan.

270

bersama MHTC, terutamanya hospital-hospital swasta dan agensi-agensi kerajaan di dalam dan di luar negara.

Bagi mencapai aspirasi ini, MHTC memetakan tiga pendekatan tunggal sebagai strategi untuk merencanakan inisiatif promosi dan pemasaran pelancongan kesihatan negara, iaitu pemudahcaraan (*facilitation*), pemasaran digital (*digital marketing*) dan kelestarian industri (*industry sustainability*).

Bagi memantapkan pemasaran secara agresif dan berkesan, MHTC telah mengenal pasti lima (5) negara bagi fokus utama, iaitu Indonesia, Republik Rakyat China, Vietnam, India dan Myanmar di samping menembusi pasaran-pasaran lain secara berterusan seperti Timur Tengah and Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha pemasaran yang dilaksanakan sehingga kini terbukti melalui pertumbuhan data pelancongan kesihatan yang menggalakkan serta pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang memberikan kesan yang amat positif kepada negara.

Pelancongan kesihatan menunjukkan peningkatan dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 16% dari tahun 2011 hingga 2016. Pada tahun 2016, Malaysia menerima 921,500 pelancong kesihatan yang telah menyumbang hasil pendapatan RM1.12 bilion dengan impak ekonomi keseluruhan termasuk hospitaliti sebanyak RM4 bilion sehingga RM5 bilion.